

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1. Pengenalan

Di dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan perkara-perkara yang merangkumi metodologi kajian yang terdiri daripada dua kaedah iaitu:

1. Kaedah pengumpulan data.
2. Kaedah analisis data.


Proses pengkajian yang saintifik menggunakan langkah-langkah yang sistematik dari pembentukan permasalahan kajian ke pengumpulan data hinggalah menghasilkan satu laporan kajian yang berdasarkan pada analisis kajian yang bertepatan dengan data yang diperolehi.¹ Saintifik pula bermakna pengulangan kajian yang sama akan menghasilkan hasil yang serupa.² Menurut Idris Awang sekali pun kaedah dibentuk dengan baik tetapi pelaksanaannya tidak sempurna dan pemilihan responden kajian pula tidak menggunakan kaedah yang betul sudah pasti data yang terhasil akan mempunyai banyak kelemahan.³ Rajah 3.1. di halaman berikut menggambarkan metodologi kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

¹ Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 75.

² Mohd Majid Konting (2005), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.h.2.

³ Idris Awang (2009), *op.cit.*, h.67.

Rajah 3.1: Metodologi Kajian Yang Dilakukan Oleh Pengkaji.



3.2. Kaedah pengumpulan data.

Kaedah pengumpulan data terdiri daripada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder.

3.2.1. Data primer

3.2.1.1. Borang Soal Selidik Asnaf Fakir Dan Miskin.

Pengumpulan data primer kajian ini menggunakan kaedah temubual bersama set borang soal selidik. Borang ini akan diisi oleh pengkaji dengan dibantu oleh seorang pembantu pengkaji yang telah diberi penerangan awal mengenai tujuan kajian, kaedah pelaksanaan seperti cara menyoal dan mendapatkan kerjasama daripada responden. Di samping itu juga senarai nama golongan fakir miskin dan alamat tempat tinggal mereka yang diperolehi daripada Unit Agihan Zakat Negeri Sembilan akan dibekalkan kepada pengkaji untuk berjumpa dengan responden.

Kaedah temubual berfokus kepada Pegawai Zakat dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan data terhadap soalan-soalan yang disediakan. Kaedah temubual ini sesuai digunakan kerana pengkaji menjurus kepada orientasi maklumat yang diharapkan dan ditentukan sahaja secara ringkas dan padat.⁴

Responden dimaklumkan mengenai tujuan temubual yang dilakukan adalah untuk membuat kajian dan sebarang maklumat digunakan untuk Unit Agihan Zakat Baitul Mal Negeri Sembilan. Ini bertujuan agar responden dapat memberikan kerjasama dalam menjawab soalan-soalan dengan jujur kepada pengkaji.

Secara umumnya masa yang diambil untuk mendapatkan maklumat setiap sampel antara 15 minit ke 30 minit. Dalam temubual tersebut, fokus utama ialah untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pendapatan responden sebelum dan selepas agihan zakat. Selain itu sesi temubual juga menumpukan pemerhatian terhadap keadaan sebenar kehidupan responden dengan meninjau persekitaran rumah, kemudahan asas, aspek perbelanjaan isirumah.

⁴ Sidek Mohd Noah (2002), *op.cit.*,h. 77.

Borang soal selidik ini telah diubahsuai daripada borang soal selidik yang telah dibangunkan 3 pihak pengkaji. Pertama daripada kumpulan penyelidik Jabatan Syariah dan Ekonomi yang membuat kajian kemiskinan di Malaysia.⁵ Kedua, borang soal selidik dari kajian keberkesanan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Melaka.⁶ Ketiga, pengkaji juga merujuk kepada borang soal selidik dari kajian keberkesanan agihan zakat di Riau Indonesia.⁷

Set soal selidik akan diajukan kepada asnaf fakir dan miskin yang telah menerima agihan zakat pada tahun 2008. Ia terdiri daripada 8 bahagian iaitu 1) Bahagian A: Demografi; 2) Bahagian B: Pendapatan Ketua Isirumah (KIR) dan Ahli Isirumah(AIR); 3) Bahagian C: Bantuan yang diberikan kepada responden; 4) Bahagian D: Perbelanjaan Isirumah; 5) Bahagian E: Bantuan yang diterima daripada MAINS; 6) Bahagian F: Jangka masa responden menerima zakat; 7) Bahagian G; Pandangan responden terhadap keberkesanan agihan zakat; 8) Bahagian H: Penilaian dan Pemerhatian Pengkaji : (Bahagian ini merupakan pandangan umum pengkaji).

Bahagian A: Demografi

Bahagian A adalah soal selidik yang berkaitan dengan maklumat responden. Ia bertujuan untuk mendapatkan latar belakang responden penerima zakat dari asnaf fakir

⁵ Borang soal selidik dibina oleh kumpulan penyelidik dari Jabatan Syariah & Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2003-2005) di bawah Projek Penyelidikan Fundamental Jabatan Syariah & Ekonomi, Tajuk penyelidikan “Kemiskinan Di kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia: Kajian Terhadap Agensi-Agensi Pembasmian Kemiskinan”. Kumpulan ini terdiri daripada Prof Dr Abdullah @ Alwi Hj Hassan, Dr Patmawati Ibrahim dan En Mohd Yahya Mohd Hussin.

⁶ Fuadah Johari (2003), *op.cit.*,

⁷ Nurhikmah binti Nursyam (2005), “Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin di Daerah Pekanbaru Riau: Kajian di Badan Amil Zakat Riau Indonesia”, (Disertasi Sarjana Syariah,Universiti Malaya).

miskin. Item-item yang dimuatkan di dalam Bahagian A ialah nama, alamat, lokasi, no.telefon, status, daerah, jantina, umur, status perkahwinan, taraf pendidikan, pekerjaan, jenis bayaran pendapatan, taraf kesihatan dan bilangan tanggungan.

Bahagian B: Pendapatan Ketua Isi Rumah dan Ahli Isi Rumah

Di dalam bahagian ini pengkaji memasukkan maklumat jumlah dan jenis pendapatan responden sama ada sebagai KIR atau AIR. Ia terdiri daripada upah, elaun, komisen, bayaran pindahan seperti nafkah bekas suami, kiriman wang, biasiswa anak dan lain-lain. Tujuan item-item ini adalah untuk mengenalpasti jenis-jenis pendapatan dan nilai pendapatan responden dalam sebulan.

Bahagian C: Bantuan Yang Diberikan Kepada Responden

Di dalam bahagian ini pengkaji ingin mengenalpasti maklumat berkenaan jenis dan jumlah bantuan tunai yang diberikan kepada responden selain daripada MAINS seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Basmi Kemiskinan dan Program Perumahan Rakyat Termiskin. Ia bertujuan untuk mengenalpasti jumlah sebenar bantuan yang mereka perolehi pada setiap bulan. Semua bantuan akan dinilai kepada Ringgit Malaysia untuk mendapatkan jawapan nilai bantuan dalam sebulan.

Bahagian D: Perbelanjaan Isi Rumah.

Bahagian D merupakan item-item untuk mengetahui perbelanjaan isirumah seperti keperluan asasi yang terdiri daripada bayaran sewa rumah, makanan dan

minuman, pakaian dan perbelanjaan membaiki rumah. Selain itu perbelanjaan perkhidmatan dan kemudahan asas turut dimasukkan seperti rawatan kesihatan, belanja persekolahan, belanja tuisyen, bayaran asrama dan bayaran utiliti. Seterusnya maklumat perbelanjaan juga perlu diambilkira untuk pembelian perkakasan rumah seperti perabot, dapur, elektrik dan lain-lain. Semua perbelanjaan akan dinilai kepada Ringgit Malaysia untuk mendapatkan jawapan nilai bantuan dalam sebulan.

Bahagian E: Bantuan Yang Diterima Daripada MAINS.

Bahagian E adalah item-item yang bertujuan untuk mengetahui maklumat jenis-jenis bantuan yang diperolehi responden daripada MAINS. Responden akan ditanya apakah jenis-jenis yang diberikan kepada mereka sama ada bantuan kewangan, bantuan makanan, bantuan baiki rumah, bantuan peralatan, bantuan modal, bantuan hemodialysis, bantuan perubatan, kursus motivasi dan kesedaran pembangunan asnaf. Semua bantuan akan dinilai kepada Ringgit Malaysia untuk mendapatkan jawapan nilai bantuan dalam sebulan.

Bahagian F: Jangka Masa Responden Menerima Bantuan Zakat.

Bahagian ini adalah untuk mengetahui sudah berapa lamakah tempoh responden menerima bantuan zakat dari MAINS. Melalui soalan ini akan memberi maklumat kumpulan manakah yang lebih ramai sebagai penerima bantuan zakat.

Bahagian G: Pandangan Responden Terhadap Keberkesanan Agihan Zakat.

Bahagian ini adalah untuk mengenalpasti pandangan responden terhadap keberkesanan agihan zakat. Terdapat tiga soalan iaitu mengenai kehadiran Pegawai Baitul Mal datang membuat siasatan atau melawat mereka, sama ada bantuan yang diterima mencukupi dalam membantu kos sara hidup dan bantuan tersebut sampai pada waktu yang ditetapkan dengan konsisten.

Bahagian H: Penilaian dan Pemerhatian Pengkaji

Bahagian ini akan diisi oleh pengkaji sebagai maklumat umum mengenai keberkesanan agihan zakat. Bahagian H sangat penting untuk membuat rumusan berdasarkan lawatan pengkaji dan sesi temubual yang dilakukan bersama responden. Secara keseluruhannya adakah hasil lawatan pengkaji ketika sesi temubual dilakukan mendapati bahawa agihan zakat berada di tahap sangat baik, baik, sederhana atau lemah. Selain itu pengkaji juga akan bertanya apakah bantuan lain yang diperlukan oleh mereka. Ini bertujuan agar dapat dimaklumkan kepada Unit Agihan Zakat sebagai hasil lawatan pengkaji.

Pembinaan borang soal selidik meliputi pengukuran skala nominal (terutama Bahagian A, skala ordinal pada item taraf pendidikan dan pendapatan. Selain itu skala sela juga digunakan untuk mendapatkan maklumat umur dan jumlah pendapatan responden dan pendapatan isi rumah. Jenis soalan yang digunakan juga melibatkan

soalan tertutup (*close-ended*) bagi memerlukan jawapan Ya atau Tidak. Ia bertujuan agar semua soalan akan lebih fokus terhadap objektif kajian dan menjimatkan masa pengkaji untuk mengumpul data.

Selain daripada itu kajian ini juga menggunakan kaedah pemerhatian untuk melihat keadaan sebenar hidup golongan fakir dan miskin seperti keadaan tempat tinggal, kemudahan asas dan suasana kehidupan mereka. Melalui pemerhatian ini juga akan menyumbang maklumat yang berkaitan dengan kajian.

3.2.1.2. Temubual bersama Pegawai Unit Agihan Zakat

Pengkaji juga mengumpul data primer daripada soalan temubual bersama Pegawai Unit Agihan Zakat yang bertanggungjawab mengenai data-data asnaf fakir miskin, jenis-jenis agihan yang diberikan kepada golongan ini serta menyelia proses agihan secara berterusan.

Pembentukan soalan-soalan temubual adalah berdasarkan objektif kajian ini iaitu untuk mengkaji kesan agihan zakat ke atas asnaf fakir miskin. Soalan-soalan tersebut telah dibahagikan mengikut item-item seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.1. di lampiran A. Berdasarkan Jadual 3.1. soalan-soalan temubual akan dapat menjelaskan bentuk-bentuk agihan yang disediakan oleh unit agihan, masalah yang dihadapi dan perancangan unit ini untuk meningkatkan lagi pengurusan agihan zakat dengan lebih cekap. Sesi temubual berfokus digunakan dengan memberi set soalan temubual untuk memastikan maklumat kajian dapat diperolehi dengan baik dan tidak berlaku percanggahan maklumat. Pengkaji juga mendapatkan senarai nama dan alamat asnaf

fakir dan miskin bagi tahun 2008 yang dijadikan sebagai responden untuk menjawab set borang soal selidik.

3.2.1.3 Populasi Kajian

Pengkaji akan mengambil populasi yang terdiri daripada asnaf fakir miskin yang telah menerima zakat. Pembahagian populasi dibuat mengikut daerah tempat tinggal yang terdiri daripada 7 buah daerah di Negeri Sembilan seramai 5148 orang.⁸ Pemilihan 3 buah daerah ini mewakili penduduk bandar dan juga luar bandar. Meskipun berbeza dari segi qariah pengkaji tidak mengambil kira perbezaan itu kerana senarai nama dan kategori miskin diukur melalui PGK yang telah ditentukan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (UPENS).⁹ Populasi ini juga mewakili asnaf fakir miskin yang diperolehi daripada data asnaf fakir miskin di Unit Agihan Zakat Baitul Mal Negeri Sembilan.

Jadual 3.2: Jumlah Fakir Miskin Yang Menerima Zakat Tahun 2008

Daerah	Bilangan
Seremban	901
Jelevu	525
Rembau	841
Tampin	544
Kuala Pilah	1593
Port Dickson	333
Jempol	411
Jumlah	5148

Sumber: Unit Agihan Zakat (2008), MAINS¹⁰

⁸ Unit Agihan Zakat MAINS (2008), (tidak diterbitkan).

⁹ Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan (2008), *Program Pembasmian Kemiskinan*, Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, h.1.

¹⁰ Unit Agihan Zakat MAINS (2008), *op.cit*

3.2.1.4. Kaedah persampelan.

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian yang diambil melalui persampelan bertujuan. Ia bersesuaian dengan kajian ini untuk mengukur keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan terhadap asnaf fakir miskin. Kaedah mengambil sampel ini berdasarkan kepada maklumat berikut:

1. Pengkaji mendapat maklumat bahawa agihan zakat sebanyak RM100 kepada penerima asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan sebagai agihan tetap bulanan tanpa mengira lokasi, tanggungan, pendapatan dan keperluan perbelanjaan isi rumah, status sama ada KIR atau AIR.¹¹
2. Disebabkan bantuan dana zakat adalah merupakan sebahagian daripada bantuan yang disediakan oleh Unit Agihan Zakat MAINS sebilangan besar sampel juga mendapat bantuan daripada pihak-pihak lain seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, program-program rakyat termiskin yang disediakan oleh kerajaan negeri, wakil-wakil rakyat dan individu-individu yang mempunyai pertalian darah dan juga jiran-jiran berhampiran. Oleh yang demikian keseluruhan sampel yang dipilih mencukupi dan memenuhi perwakilan untuk membuat kesimpulan terhadap populasi asnaf fakir miskin di Negeri Sembilan. Jadual 3.3. menunjukkan jumlah sampel kajian ini.

¹¹ Maklumat dari Sistem Agihan Zakat MAINS (2008), (tidak diterbitkan). Maklumat ini juga hasil temubual bersama Ustaz Zainal bin Said, Pegawai Unit Agihan Zakat MAINS pada 7 Febuari 2008.

Jadual 3.3: Jumlah Sampel Yang Diambil Berdasarkan Persampelan Bertujuan.

Daerah	Bilangan Populasi	Bilangan Sampel (10%)	Jumlah yang diambil
Seremban	901	90.1	90
Rembau	841	84.1	84
Jelevu	525	52.5	53
Jumlah	2267	226.7	227*

*angka 227 digenapkan menjadi 230 (1 dari Rembau dan 2 dari Jelevu)

Sumber: Diubahsuai dari Unit Agihan Zakat (2008), MAINS.

Populasi asnaf fakir miskin yang direkodkan oleh Baitul Mal Negeri Sembilan sehingga tahun 2008 ialah seramai 2267 orang. Mereka terdiri daripada penduduk bandar dan juga luar bandar. Populasi juga mewakili setiap daerah dan semua qariah di Negeri Sembilan. Maksud populasi bagi kajian ini ialah penerima agihan zakat dan disenaraikan di dalam Sistem Agihan Zakat MAINS bagi asnaf fakir dan miskin pada tahun 2008.


Oleh yang demikian senarai nama dan alamat fakir miskin yang telah menerima zakat diambil sebagai responden untuk ditemubual. Sampel diambil dengan merujuk kepada senarai nama yang diberikan oleh Unit Agihan Zakat Baitul Mal Negeri Sembilan¹². Pengkaji telah memohon senarai nama dan alamat responden yang mewakili semua qariah untuk memastikan kecukupan dan perwakilan sebagai responden dalam kajian ini. Jika mana-mana ahli yang terpilih sebagai sampel ahli berkenaan mampu mewakili ciri-ciri populasinya iaitu fakir dan miskin.

Saiz sampel yang akan dipilih ialah seramai 230 orang iaitu sebanyak 10 peratus daripada jumlah populasi. Saiz sampel tersebut merujuk pada pandangan pakar

¹² Pengkaji mendapatkan data senarai nama penerima zakat daripada Unit Agihan Zakat Baitul Mal Negeri Sembilan pada 11 September 2008.

statistik lain mengutarakan panduan bahawa 1/10 (10%) dari kerangka persampelan harus diambil sebagai sampel kajian.¹³ Jumlah sampel yang diambil juga mempunyai ciri-ciri kewakilan untuk mendapatkan maklumat yang hendak dikaji iaitu mereka yang tergolong di dalam miskin dan miskin tegar menurut PGK serta disenaraikan sebagai penerima bantuan zakat oleh Unit Agihan Zakat Baitul Mal Negeri Sembilan. Tiap-tiap ahli dalam populasi berkenaan mempunyai probabiliti yang sama untuk dipilih sebagai sampel.¹⁴ Rajah 3.2. menggambarkan kaedah pemilihan sampel asnaf fakir dan miskin sebagai responden dalam kajian ini.

Rajah 3.2: Kaedah Pemilihan Sampel Asnaf Fakir dan Miskin.



¹³ Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 112

¹⁴ *Ibid.*, h.54.

Menurut Sabitha saiz sampel bergantung pada bentuk analisis data yang akan digunakan oleh pengkaji. Jika saiz sampel yang besar sahaja tidak menjamin ia akan menggambarkan populasi kajian. Sampel yang besar jika tidak disampel secara rawak atau menggunakan kerangka persampelan yang tidak lengkap maka datanya akan kurang tepat dalam menggambarkan populasi yang sebenar. Oleh itu, satu sampel kajian yang kecil tetapi menggunakan pensampelan rawak dan kerangka sampel yang lengkap adalah lebih baik.¹⁵

Saiz sampel sebanyak 30 adalah bilangan minimum yang diperlukan untuk membuat penafsiran statistik yang bermakna. Pakar statistik lain pula mengutarakan panduan bahawa 1/10 (10%) dari kerangka persampelan harus diambil sebagai sampel kajian. Saiz pensampelan rawak mudah lebih kecil berbanding pensampelan kelompok.¹⁶ Pemilihan secara rawak yang sebenar merupakan metod yang terbaik.¹⁷ Manakala Andrew yang mengatakan saiz sampel sebesar 100 ke 150 dirujuk sebagai saiz yang agak besar untuk mendapatkan taburan normal. Manakala Lazerwitz dan Bailey juga bersetuju bahawa saiz sampel sebanyak 100 adalah mencukupi untuk menghasilkan sesuatu analisis yang bermakna.¹⁸ Justeru saiz sampel yang diambil di dalam kajian ini berkenaan kemiskinan adalah bertepatan dan mencukupi bagi kajian ini berdasarkan pandangan statistik.

3.2.1.5. Lokasi Kajian.

Oleh kerana kekangan yang dihadapi oleh pengkaji dari sudut kos, masa dan jarak lokasi yang jauh di antara 7 buah daerah yang berbeza maka memadai dengan

¹⁵ Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 111.

¹⁶ *Ibid*, h.112-113.

¹⁷ Iran Herman ((2007), *Statistik dan Analisis Data Sains Sosial*. Cetakan ke 4, Kedah: Penerbitan Ustara, h.5.

¹⁸ Sabitha Marican (2005), *op.cit.*,h. 114.

pemilihan sampel yang diwakili oleh asnaf fakir miskin dari 3 buah daerah sahaja. Pemilihan sampel akan dikategorikan mengikut 3 jenis daerah iaitu Seremban yang meliputi penduduk bandar, Jelevu penduduk luar bandar dan Rembau yang mempunyai sampel yang meliputi kedua-duanya iaitu bandar dan luar bandar.

Kajian ini dilakukan di daerah-daerah terpilih di Negeri Sembilan yang terdiri daripada Seremban, Jelevu, dan Rembau. Pemilihan lokasi kajian ini dibuat berdasarkan fakta daripada SAZ bahawa terdapat populasi penerima agihan zakat yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin. Oleh demikian pemilihan 3 buah daerah tersebut dan sampel yang diambil sebanyak 10% akan menghasilkan jawapan terhadap persoalan-persoalan kajian.

3.2.1.6 Skop Dan Limitasi Kajian.

Skop kajian ini ialah untuk mengukur keberkesanan agihan zakat dalam usaha untuk membasmi kemiskinan terhadap asnaf fakir dan miskin di Negeri Sembilan. Manakala limitasinya pula ialah untuk mengukur kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, purata jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin yang telah menerima bantuan zakat pada tahun 2008. Kajian ini juga terbatas kepada aspek monetari dan non monetari yang dianalisis berdasarkan perspektif *maqāṣid syarīah*

3.1.2.7. Ujian Rintis

Pengkaji juga telah melakukan ujian rintis (*pre-test*) soal selidik seramai 50 orang responden asnaf fakir miskin. Menurut Sabitha Marican jumlah responden

seramai 50 orang adalah dibuat secara lazim. Ujian rintis ini harus dilakukan untuk mengetahui reaksi responden, memperbaiki soalan dan mengagak jangka masa yang diambil untuk mengisi sesuatu soal selidik.¹⁹ Selain daripada itu tujuan ujian rintis ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti item-item yang bermutu atau item-item yang signifikan secara statistik.²⁰ Dengan ujian rintis juga boleh memastikan bahawa kaedah yang direka bentuk mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi yang mampu mengumpul data setepat dan secukup yang diperlukan.²¹

Selepas melakukan ujian rintis, pengkaji mendapati terdapat item-item yang perlu diolah semula susunannya untuk memudahkan pengkaji mengisi jawapan di dalam borang soal selidik. Selain itu terdapat keperluan untuk menambah maklumat berkaitan kategori tanggungan dan pandangan responden terhadap institusi Baitul Mal yang bertanggungjawab di dalam agihan zakat. Pengubahsuaian dilakukan oleh pengkaji memandangkan terdapat item yang akan memudahkan penyusunan dan pengkodan item untuk mengira data kuantitatif di dalam program *SPSS version 17.0 (Statistical Package for Social Sciences)*.

3.2.1.8. Kesahan Kandungan.

Pengkaji juga telah melaksanakan kesahan kandungan (*content validity*) dengan merujuk kepada penyelia untuk menentukan sama ada kandungan item-item daripada soal selidik mencukupi, mempunyai kesesuaian dari segi format, ruang dan saiz serta arahan yang jelas. Kaedah untuk menentukan kesahan kandungan bermaksud sejauhmana sesuatu ukuran dapat mencerap konsep, mencerminkan tingkahlaku, sikap

¹⁹ Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 202 .

²⁰ Sidek Mohd Noah (2002), *op.cit.* ,h.59.

²¹ Idris Awang (2009), *op.cit.*, h.91.

atau ciri-ciri yang dipercayai berkaitan dengan konsep yang diukur.²² Untuk mendapatkan kesahan kandungan alat kajian ini perlu merujuk kepada pakar atau sesiapa yang boleh menilai kesesuaian butiran yang disediakan.²³

3.2.2. Data sekunder

Untuk mendapatkan data sekunder pula pengkaji akan dikumpul berdasarkan laporan tahunan unit agihan zakat, buletin MAINS, buku-buku rujukan yang berautoriti mengenai zakat dan pembasmian kemiskinan, rujukan melalui internet yang meliputi. Selain itu untuk melihat aspek teoritikal, perlaksanaan dan amalan agihan zakat pengkaji akan merujuk kepada kajian perpustakaan seperti jurnal, buku, majalah, kertas kerja atau persidangan dan dokumen-dokumen berkaitan dengan konsep zakat dan kemiskinan.

3.3. Kaedah Analisis Data

Data-data yang telah dikumpulkan akan dianalisis mengikut keperluan objektif kajian iaitu:

3.3.1. Profil Responden

Pengkaji akan menggunakan perisian SPSS version 17.0 (*Statistical Package for the Social Science*) untuk menganalisa set soal selidik yang telah dijalankan kepada responden. Analisis yang digunakan ialah *deskriptif statistic* dengan merujuk sukatan

²² Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 213.

²³ Ab Halim Tamuri (2008), "Prinsip Asas Dalam Pembinaan Instrumen Untuk Penyelidikan", (Kertas Kerja Kursus Metodologi Penyelidikan-Pengenalan, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 17-20 November), h.50.

kecenderungan tengah yang melibatkan setiap responden. Menurut Azhar harun dan Nawi Abdullah²⁴ statistik diskriptif adalah satu angka tunggal yang boleh digunakan memperihalkan sesuatu taburan data atau nilai-nilai pengamatan. Ada 3 jenis berbentuk sukatan kecenderungan tengah iaitu purata, penengah dan mod. Ia juga menggambarkan respon yang diterima dari individu dalam kajian ini.²⁵

Selain itu, pengkaji juga menggunakan indeks-indeks kemiskinan untuk menganalisis data-data responden bagi melihat kesan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan di Negeri Sembilan. Indeks tersebut sebagaimana yang telah digunakan oleh pengkaji-pengkaji dalam penyelidikan berkaitan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan, nisbah jurang pendapatan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan. Berikut adalah indeks-indeks kemiskinan yang akan digunakan:

3.3.2. Kadar Kemiskinan.

Formula indeks kadar kemiskinan:

$$H=q/n$$

Di mana:

H= kadar kemiskinan

q=bilangan isi rumah di bawah PGK

n=bilangan isi rumah (responden asnaf fakir miskin)

²⁴ Azhar harun dan Nawi Abdullah et.al (2004), *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial*, Malaysia:Thomson Learning, h.82.

²⁵ Sabitha Marican (2005), *op.cit.*, h. 244

Bagi mengenalpasti kesan agihan zakat terhadap kadar kemiskinan, maka perbandingan antara sebelum dan selepas agihan zakat dilakukan dengan pendekatan berikut:

- (1) H_a = kadar kemiskinan sebelum agihan zakat.
- (2) H_b = kadar kemiskinan selepas agihan zakat.

Jika nilai $H_a > H_b$ ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin. Sebaliknya jika nilai $H_a < H_b$ ini bermakna agihan zakat tidak berkesan dalam mengurangkan kadar kemiskinan.

3.3.3. Jurang Kemiskinan

Formula menganalisis jurang kemiskinan:

$$P_1 = \sum_{i=1}^q g_i$$

g_i ialah jumlah keseluruhan perbezaan PGK dengan pendapatan isi rumah.

Di mana $g_i = Z - y_i$

z = Pendapatan Garis Kemiskinan (RM720)

y_i = pendapatan isi rumah di bawah PGK yang ke 1,2...(bilangan responden) sebelum agihan zakat

q = bilangan isi rumah yang berpendapatan kurang dari PGK

Bagi mengenalpasti kesan agihan zakat terhadap jurang kemiskinan di antara sebelum dan selepas agihan zakat maka pendekatan berikut digunakan:

(1) P_a = jurang kemiskinan sebelum agihan zakat.

(2) P_b = jurang kemiskinan selepas agihan zakat.

Jika nilai $P_a > P_b$ ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan mengurangkan jurang kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin. Sebaliknya jika nilai $P_a < P_b$ ini bermakna agihan zakat tidak berkesan dalam mengurangkan jurang kemiskinan.

3.3.4. Purata Jurang Kemiskinan

Formula pengiraan purata jurang kemiskinan:

$$P_2 = z - m$$

Di mana:

z = Pendapatan Garis Kemiskinan (RM 720)

m = Min pendapatan fakir miskin (jumlah pendapatan isi rumah terkumpul dibahagi dengan jumlah isi rumah di bawah PGK)

Bagi mengenalpasti kesan agihan zakat terhadap purata jurang kemiskinan sebelum dan selepas agihan zakat maka pendekatan berikut digunakan:

(1) P_c = purata jurang kemiskinan sebelum agihan zakat.

(2) P_d = purata jurang kemiskinan selepas agihan zakat.

Jika nilai $P_c > P_d$ ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan mengurangkan purata jurang kemiskinan di kalangan asnaf fakir miskin. Sebaliknya jika nilai $P_c < P_d$

ini bermakna agihan zakat tidak berkesan dalam mengurangkan purata jurang kemiskinan.

3.3.5. Nisbah Jurang Pendapatan.

Formula nisbah jurang pendapatan ialah:

$$I = \sum_{i=1}^q \frac{g_i}{qz}$$

Di mana:

g_i = jurang kemiskinan

q = bilangan isi rumah miskin

z = PGK (RM720)

Bagi mengenalpasti kesan agihan zakat terhadap nisbah jurang pendapatan sebelum dan selepas agihan zakat maka pendekatan berikut digunakan:

- (1) I_a = nisbah jurang pendapatan sebelum agihan zakat.
- (2) I_b = nisbah jurang pendapatan selepas agihan zakat.

Jika nilai $I_a > I_b$ ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan mengurangkan nisbah jurang pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin. Sebaliknya jika nilai $I_a < I_b$ ini bermakna agihan zakat tidak berkesan dalam mengurangkan nisbah jurang pendapatan.

3.3.6. Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan.

Bagi menganalisis ketidakseimbangan agihan pendapatan, pengiraan Pekali Gini secara matematik iaitu:

$$G = \sum_{t=1}^T P_t Q_{t+1} - \sum_{t=1}^T P_{t+1} Q_t$$

Di mana:

G: Gini coefficient;

P_t = peratus penduduk terkumpul dalam kumpulan ke t ;

Q_t = peratus pendapatan dalam kumpulan ke t ,

$t = 1, 2, \dots, T$.

Nilai G : $0 < G < 1$. $G=1$ menunjukkan agihan pendapatan sangat tidak seimbang,

$G=0$ menunjukkan agihan pendapatan sangat seimbang.

Bagi mengenalpasti kesan agihan zakat terhadap ketidakseimbangan agihan pendapatan sebelum dan selepas agihan zakat maka pendekatan berikut digunakan:

(1) G_a = pekali Gini sebelum agihan zakat.

(2) G_b = pekali Gini selepas agihan zakat.

Jika nilai $G_a > G_b$ ini menunjukkan bahawa agihan zakat berkesan mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin. Sebaliknya jika nilai $G_a < G_b$ ini bermakna agihan zakat tidak berkesan dalam mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan.

3.3.7. Keluk Lorenz

Perbandingan antara 2 situasi antara sebelum dan selepas agihan zakat boleh dilihat melalui keluk Lorenz. Kajian ini menggunakan keluk Lorenz yang boleh menentukan keberkesanan agihan zakat apabila membandingkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di antara sebelum agihan dan selepas agihan zakat dilakukan. Keluk Lorenz diperoleh dengan memplot peratus responden terkumpul pada paksi X dan peratus pendapatan terkumpul pada paksi Y. Keluk Lorenz yang menghampiri garis lurus OX menggambarkan agihan pendapatan yang lebih seimbang jika dibandingkan dengan keluk Lorenz yang lebih jauh dari garis lurus OX.²⁶ Ini bermakna semakin besar ruang antara keluk Lorenz dengan garis 45°, semakin besar ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir miskin.

3.4. Kesimpulan.

Kajian ini menggunakan metodologi yang lazim digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain kerana mempunyai ciri-ciri persamaan pada skop dan objektif. Analisis data kuantitatif akan menggunakan indeks kemiskinan untuk mengenalpasti sejauhmana kesan agihan zakat yang diterima oleh asnaf fakir dan miskin dalam usaha membasmi kemiskinan. Manakala data kualitatif dianalisis untuk menjelaskan agihan zakat dan usaha membasmi kemiskinan dari perspektif *maqāṣid syarīah*. Kedua-dua bentuk data yang dianalisis dijangka akan memberikan rumusan dan cadangan untuk penambahbaikan agihan zakat di Negeri Sembilan khususnya kepada asnaf fakir dan miskin untuk membasmi kemiskinan.

²⁶ Hasan Haji Ali (2003), "Pertumbuhan, Agihan pendapatan dan Kemiskinan", dalam Rahmah Ismail (penyunting), *op.cit.*, h. 238.